

13 AUG 1996

Mahathir - Kemasan

PM MAHU PEKERJA BERI KEUTAMAAN KEPADA FAKTOR KEMASAN

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu setiap lapisan pekerja di negara ini memberi keutamaan kepada faktor kemasan bagi menghasilkan mutu kerja yang cemerlang.

Perdana Menteri berkata sikap membuat kerja seperti "melepaskan batuk di tangga" perlu segera digantikan dengan ketekunan menghasilkan kerja yang mempunyai kemasan bermutu.

"Pekerja Malaysia mestilah menentukan finishing (kemasan) adalah pada tahap yang tinggi sekali dan yakinlah kita akan jadi bukan sahaja bangsa yang berjaya tapi upah kita juga akan meningkat kerana orang sanggup membayar upah tinggi untuk hasil yang baik," katanya ketika berucap selepas menyampaikan Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri di Maktab Perguruan Teknik, Cheras, di sini hari ini.

Katanya pekerja Malaysia langsung tidak mempunyai kesedaran mengenai pentingnya kemasan bermutu dalam menghasilkan sesuatu kerja kerana kebanyakannya beranggapan sesuatu hasil kerja, yang secemerlang manapun, tidak akan memberi pulangan lebih tinggi daripada yang telah ditetapkan.

Menurutnya ketidaksedaran itu juga banyak didorong faktor bekerja mengikut kadar upah yang diterima dan sikap asalkan kerja siap.

Perdana Menteri berkata pekerja Malaysia patut mencontohi pekerja industri pembuatan bot di luar negara seperti Eropah, Amerika, Australia dan New Zealand.

Katanya mereka sentiasa memberi keutamaan kepada kemasan bermutu sehinggakan permukaan bot kelihatan berkilat seperti cermin kerana disapu dengan "lacquer".

"Tapi di Malaysia, kita tidak begitu ambil berat perkara ini, asal siap sudahlah. Bagi kita terkoyak terkopek sikit itu tak mengapa dan sikap yang semacam ini akan menjadikan kita satu bangsa yang tidak mampu bersaing dengan bangsa lain.

"Untuk bersaing dengan bangsa lain kita harus "polish" kilat sehingga dia jadi seperti cermin kalau kita buat kerja-kerja kayu," katanya.

Dr Mahathir berkata sikap memberi keutamaan kepada kemasan bermutu juga perlu dalam semua bidang lain kerana hanya hasil akhir itu sahaja yang membezakan sesuatu kerja yang sama.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri berharap pekerja di negara ini menanam sikap bangga dengan hasil kerja bermutu dan bukan bekerja sekadar memenuhi waktu yang ditetapkan atau kadar upah yang diterima.

"Di sini pekerja tidak berbangga dengan hasil kerja mereka. Bayar banyak itu, kita kerja banyak itu, ini mentaliti kita.

"Kita tak ada pride (kebanggaan) kepada end result (hasil akhir kerja) kita. Saya dapati banyak kualiti kurang baik kerana kita tak begitu mengambil berat hasil kita," katanya.

Pada majlis itu, Pusat Giat MARA menerima Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri selepas memenangi satu pingat emas, tiga perak dan dua gangsa dalam pelbagai kategori belia dan terbuka pertandingan Johan Kemahiran Malaysia Ketujuh.

Dr Mahathir juga melancarkan rekabentuk baru Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri hasil ciptaan Pusat Seni dan Daya Cipta Institut Teknologi MARA, Shah Alam. -- BERNAMA

AH NAK